

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI

TARIKH: 18 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keberkesanan penguatkuasaan terhadap pelaksanaan gaji minima kepada pekerja-pekerja swasta dan apakah tindakan terhadap majikan yang tidak mematuhi arahan tersebut.

PR-1323-L64681

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, setakat 30 September 2014 jumlah aktiviti penguatkuasaan gaji minimum adalah seperti berikut:

- (i) jumlah pemeriksaan berkanun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) adalah sebanyak 29,231 dan daripada jumlah tersebut didapati 517 (2%) majikan tidak melaksanakan gaji minimum dan tindakan notis pematuhan telah dikeluarkan.

- (ii) Manakala jumlah tuntutan kes buruh berkaitan gaji minimum yang telah difailkan adalah sebanyak 895 kes dan daripada jumlah tersebut sebanyak 193 (22%) telah selesai dibicarakan di Mahkamah Buruh dan 702 (78%) masih dalam tindakan pegawai.
- (iii) Berkenaan dengan tindakan pendakwaan sebanyak 87 kertas pendakwaan telah dibuka dan dari jumlah ini 39 (45%) telah diberikan izin untuk pendakwaan oleh Timbalan Pendakwa Raya (PUU).

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sekiranya majikan didapati engkar, penalti yang dikenakan kepada majikan yang melakukan kesalahan pertama, denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap pekerja dan Mahkamah boleh mengarahkan majikan membayar perbezaan antara kadar gaji minimum dengan gaji pokok dan bayaran lain. Manakala, bagi kesalahan berterusan, denda harian tidak melebihi RM1000 bagi setiap kesalahan berterusan selepas sabitan. Bagi kesalahan berulang, denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 50% amaun maksimum bagi setiap kesalahan boleh dikenakan kepada majikan.

3. Walau bagaimanapun, tindakan pendakwaan hanya akan diambil terhadap para majikan yang gagal melaksanakan gaji

minimum setelah langkah-langkah lain seperti amaran tidak diendahkan oleh majikan-majikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 18 NOVEMBER 2014
[SELASA]
DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]

SOALAN :-

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk memperbaiki sebuah insinerator yang telah siap dibina di Langkawi di kawasan Belanga Pechah, Mukim Ayer Hangat tetapi tidak beroperasi. Keadaan tersebut menyebabkan air dari sampah dari insinerator tersebut mengalir masuk ke sungai bersebelahan yang akhirnya mengeluarkan bau yang busuk.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Loji Insinerator Langkawi telah mula beroperasi sepenuhnya pada 16 Januari 2014. Walaubagaimanapun, operasi loji tersebut sedikit terganggu akibat daripada beberapa kerosakan teknikal yang timbul pada komponen dan peralatan loji semasa loji beroperasi.

Bagi memastikan loji dapat meneruskan operasi dengan lancar, operator yang dilantik telah diarah untuk mengenalpasti punca-punca kerosakan dan membuat kerja-kerja pembaikan dari semasa ke semasa. Pada masa ini, loji telah kembali beroperasi dan memproses purata 70 tan sisa pepejal sehari.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, loji insinerator tersebut turut dilengkapi dengan sistem rawatan leachate yang berfungsi merawat leachate yang terhasil dari loji insinerator tersebut sebelum dilepaskan ke sungai berdekatan. Sistem rawatan leachate tersebut beroperasi sepanjang masa walaupun dalam keadaan loji pembakaran sisa pepejal tidak berjalan.